

23 MAR 1997

Mahathir-Singapura

TIADA SYARAT BAGI SINGAPURA PULIH HUBUNGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan mengenakan sebarang syarat kepada kerajaan Singapura tentang bagaimana hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dapat dipulihkan ke tahap seperti dulu.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan mengambil sebarang tindakan luar biasa berhubung perkara itu.

Ketika bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Arab Saudi, Dr Mahathir berkata kabinet telah membuat keputusan (iaitu kerajaan menerima permohonan maaf Lee Kuan Yew tetapi mengakui bahawa hubungan antara kedua-dua negara memerlukan masa untuk pulih seperti dulu kerana kenyataan Lee, yang memburuk-burukkan Johor, telah menyinggung perasaan rakyat Malaysia.)

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya oleh pemberita sama ada kerajaan Singapura perlu mengambil langkah pertama memulihkan hubungan diplomatik itu.

"Walaupun kita berasa perkara ini selesai tetapi kata orang luka di hati itu ambil masa untuk sembuh," katanya.

Sambil mengulangi bahawa kerajaan akan tetap berpegang kepada keputusan Kabinet, Dr Mahathir berkata: "Kita akan membiarkan masa untuk memulihkannya."

"Apa lagi yang boleh kita buat...Saya tidak pasti pihak mana yang perlu mengambil langkah pertama bagi memulihkan semula hubungan, tetapi apa yang boleh saya kata ialah ia adalah keputusan Kabinet.

"Saya tidak mahu kata apa-apa. Saya tidak berhasrat untuk meletakkan apa-apa syarat (kepada kerajaan Singapura)," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada isu itu telah selesai, Perdana Menteri berkata jika ada pihak yang masih mahu memperkatakannya, mereka boleh berbuat demikian kerana itu adalah hak mereka, "tetapi saya tidak mahu lagi membuat ulasan mengenainya."

"Tentang pihak mana yang bertanggungjawab memburukkan lagi keadaan, itu terpulang kepada pendapat individu," kata beliau.

Ketika diminta mengulas desakan supaya anak lelaki Lee, Hsien Loong turut meminta maaf, Perdana Menteri berkata: "Saya tak ambil kira sangat siapa minta maaf."

Semalam Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi mempersoalkan mengapa Hsien Loong, yang turut menandatangani afidavit itu, berdiam diri mengenai isu berkenaan dan menuntut beliau supaya meminta maaf.

Hsien Loon, yang juga Timbalan Perdana Menteri Singapura, dipetik sebagai berkata bahawa tindakan meminta maaf oleh ayahnya itu turut membabitkan dirinya.

Lee Kuan Yew telah menimbulkan kemarahan pemimpin dan rakyat Malaysia dengan menyifatkan Johor sebagai terkenal dengan tembak-menembak, samun dan rampas kereta dalam afidavit berhubung saman malu beliau dan anaknya terhadap seorang anggota pembangkang Singapura Tang Liang Hong.

Lee Kuan Yew telah meminta maaf secara terbuka dan telah pun mengarahkan peguamnya mengeluarkan mana-mana perenggan yang menyinggung perasaan itu.--

BERNAMA

ES MZ MAI